



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGGUNAAN DAN PEMUASAN KEHENDAK TERHADAP WORLD  
WIDE WEB (WWW) DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
UTARA MALAYSIA**

**MOHD SOBHI BIN ISHAK**

**FBMK 2003 11**

**PENGGUNAAN DAN PEMUASAN KEHENDAK TERHADAP WORLD  
WIDE WEB (WWW) DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
UTARA MALAYSIA**

**MOHD SOBHI BIN ISHAK**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2003**



**PENGGUNAAN DAN PEMUASAN KEHENDAK TERHADAP WORLD  
WIDE WEB (WWW) DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
UTARA MALAYSIA**

**Oleh**

**MOHD SOBHI BIN ISHAK**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**September 2003**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGGUNAAN DAN PEMUASAN KEHENDAK TERHADAP *WORLD  
WIDE WEB (WWW)* DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
UTARA MALAYSIA**

Oleh

**MOHD SOBHI BIN ISHAK**

**September 2003**

**Pengerusi : Profesor Madya Md. Salleh Hj. Hassan, Ph.D**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sama ada sikap dan pandangan pelajar Universiti Utara Malaysia terhadap media *World Wide Web (WWW)* mempengaruhi penggunaan media berkenaan dalam persekitaran pembelajaran di Universiti. Berasaskan teori penggunaan dan pemuasan kehendak (*uses and gratifications theory*), kajian ini dijalankan dalam tiga fasa iaitu menggunakan soalselidik bercetak, soalselidik berkomputer dan analisis kandungan ke atas laman web yang dikunjungi pelajar.

Dalam fasa pertama kajian, sebanyak 353 orang pelajar telah menjawab instrumen soalselidik bercetak. Hasil kajian fasa ini mendapati bahawa kebanyakan pelajar percaya bahawa *WWW* merupakan media yang

penting dalam pengajian mereka. Mereka juga mengakui bahawa WWW adalah sumber maklumat, komunikasi dan hiburan yang terbaik. Lapan motif penggunaan WWW dinyatakan oleh pelajar iaitu “penyelidikan dan pembelajaran”, “mengakses hiburan dengan mudah”, “komunikasi dan interaksi sosial”, “mengisi masa lapang ketika bosan”, “mengakses bahan yang sukar diperolehi”, “mendapatkan bantuan teknikal dan maklumat produk”, “mengakses laman permainan dan seks” dan “transaksi pengguna dan membeli belah”. Ujian korelasi yang dijalankan ke atas sikap terhadap WWW dan tahap kemahiran menggunakan WWW menunjukkan terdapat perkaitan positif yang signifikan dengan motif penggunaan WWW yang dinyatakan. Selain daripada itu, ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan wanita dalam menggunakan WWW untuk “mengakses laman permainan dan seks” dan “transaksi pengguna dan membeli belah”.

Sebanyak 296 responden fasa pertama telah menjadi responden dalam fasa kedua kajian yang menggunakan instrumen soalselidik berkomputer. Lapan motif yang dinyatakan dikemukakan khusus untuk mengenalpasti tujuan utama pelajar berkenaan menggunakan WWW pada masa tersebut (motif yang ingin dipenuhi- gratification sought).

Fasa terakhir kajian adalah analisis kandungan ke atas laman web yang dikunjungi oleh responden dalam fasa kedua kajian untuk mendapatkan gambaran umum penggunaan sebenar medium tersebut.

Sebanyak 126,711 buah laman web telah dikunjungi oleh pelajar. Dari jumlah tersebut, 500 laman web dipilih secara rawak untuk dianalisa oleh jurukod yang mahir mengenai WWW. Daripada sampel, domain .com mencatatkan jumlah kunjungan paling tinggi (81.1%) berbanding laman lain. Walau bagaimanapun laman web dalam domain .com ini dicatatkan mempunyai "kesesuaian pembelajaran akademik" yang rendah (min=1.42). Sungguhpun pelajar menyatakan bahawa tujuan utama mereka menggunakan WWW pada masa tersebut (kajian fasa kedua) adalah untuk "penyelidikan dan pembelajaran" (52.4%), analisis oleh jurukod ke atas laman web yang dikunjungi mendapati bahawa kategori berkenaan hanya dikunjungi sebanyak 30.8% sahaja. Sebaliknya kategori penggunaan lain iaitu "mengakses hiburan dengan mudah", "mendapatkan bantuan teknikal dan maklumat produk "mengisi masa lapang ketika bosan", "mengakses bahan yang sukar diperolehi" dan "mengakses laman permainan dan seks" pula mencatatkan peningkatan penggunaan yang tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa selain daripada penggunaan WWW untuk tujuan akademik, pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia juga didapati menggunakan kemudahan tersebut untuk memenuhi keinginan personal mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**USES AND GRATIFICATIONS TOWARDS WORLD WIDE WEB (WWW)  
AMONG UNIVERSITI UTARA MALAYSIA'S STUDENTS**

**By**

**MOHD SOBHI BIN ISHAK**

**September 2003**

**Chairman . Associate Professor Dr. Md. Salleh Hj. Hassan, Ph.D**

**Faculty : Modern Language and Communication**

Universiti Utara Malaysia's student attitudes and opinions toward the World Wide Web (WWW) were analyzed to discover if and how they affect students' use of this new educational medium in university's learning environment. Based on Uses and Gratifications Theory, this research was conducted in three phases. Phase one of the researched was conducted by using the paper survey instrument, phase two was conducted by using computer-administered survey, and phase three was conducted through content analysis of sites visited by students.

In response to the paper survey instrument in phase one, 353 students have participated as respondents. Students expressed the belief that the WWW is important for learning. They also believed that WWW is the best source of information, means to communicate and source of entertainment.



There were eight (8) motives of using WWW in UUM's setting: "for research and learning", "social interaction", "for something when bored", "for access to material otherwise unavailable", "for product information and technical support", "for games and sexually explicit sites" and "for product consumer transactions".

The correlation test has shown a significant relationship between the students' attitude and the motives for using WWW. This test also shows a significant relationship between the students' skills of using WWW and the motives of using WWW. The t-test shows that there is 'significant difference between male and female student in using the WWW especially "for games and sexually explicit sites" and "for product consumer transactions".

A total of 296 respondents from the first phase also participated in the computer-administered survey (second phase). The eight (8) motives gathered in the first phase were used to determine the students leading motives (gratifications sought) of using WWW at that time.

The final phase of the data analysis was a content analysis of sites visited by students. A total 126,711 URLs were collected and a sample of 500 sites were reviewed by media specialists (coder). Students appear to be visiting commercial sites (.com) at a much higher proportion than the other



leading domain names (81.1%). Also, the commercial sites received the lowest rating for "suitability for academic research" of all the domain names (mean=1.42). While students reported their purpose for using the WWW as "research and learning" (52.4%), the coders found only 30.8% of the sampled sites to be "suitable" for that purpose. Otherwise, other categories such as "for easy access to entertainment", "for product information and technical support", "for something when bored", "for access to material otherwise unavailable" and "for games and sexually explicit sites" showed as the highest usage in the reality. Finally, this study has determined that UUM students not only used WWW for academic purpose but also to fulfill non-academic and personal motives.

## PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan rasa syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan keizinanNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa penyeliaan tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Md. Salleh Hj. Hassan (Pengerusi dan penyelia utama), Prof. Madya Dr. Musa Abu Hassan dan Dr. Abdul Rashid Md Ali yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan tunjuk ajar tanpa jemu dan penuh kesabaran dalam membantu penyelidikan tesis saya ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan pandangan terutamanya saudara Syamsul Anuar Ismail, Zuraidah Abu Talib, Prof. Mohd Fo'ad Sakdan, Prof. Asmah Bee Mohd Noor dan Prof. Iran Herman. Kepada En. Abdul Razak Jusoh dan Cik Roslina (Pusat Komputer UUM), terima kasih di atas bantuan dan khidmat yang diberikan. Terima kasih juga kepada Pn. Azizah Sarkowi (Pusat Matrikulasi Perlis) serta En. Nurzaid Muhd Zain (Universiti Teknologi Mara), kerana sanggup membantu menganalisis setiap laman web dengan penuh kesabaran. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kepada ibu mertua saya yang amat dikasihi dan dihormati (Pn. Ramlah Arshad), terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan kami sekeluarga. Kepada isteri dan anak-anak (Azizah, Fatimah, Fadhilah dan Muhammad Hazira), yang turut sama merasai perit jerih semasa menyempurnakan tesis ini, kudoakan ke hadrat Allah (s.w.t) semoga kalian akan beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Mohd Sobhi Ishak telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 23 September 2003 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Penggunaan dan Pemuasan Kehendak Terhadap *World Wide Web (WWW)* Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia" mengikut Akta Universiti Pertanian (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut :-

**NARIMAH BINTI ISMAIL, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**MD. SALLEH BIN HASSAN, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**MUSA BIN HASSAN, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ABDUL RASHID BIN MD. ALI, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

**GULAM RUSUL RAHMAT ALI, Ph.D.**  
Profesor / Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 15 JAN 2004

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut :-

**MD. SALLEH BIN HASSAN, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**MUSA BIN HASSAN, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ABDUL RASHID BIN MD. ALI, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

**AINI IDERIS, Ph.D.**  
Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 21 JAN 2004

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang sah melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

  
MOHD SOBHI BIN ISHAK

Tarikh : 14 JANUARI 2004

## SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK .....	ii
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	viii
PENGESAHAN .....	ix
PERAKUAN .....	xi
SENARAI KANDUNGAN .....	xii
SENARAI JADUAL .....	xvii
SENARAI RAJAH .....	xviii
SENARAI FORMULA .....	xix
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	
<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian .....	1
Penyataan Masalah .....	4
Persoalan Kajian .....	10
Objektif Kajian .....	11
Objektif Umum .....	11
Objektif Khusus .....	11
Kepentingan Kajian .....	12
Batasan Kajian .....	13
Takrifan Istilah .....	14
Rumusan .....	15
<b>II</b>	
<b>SOROTAN LITERATUR .....</b>	<b>17</b>
Sejarah Perkembangan Internet dan WWW .....	17
Ciri-Ciri WWW .....	21
Multimedia .....	22
Hipertektualiti .....	22
Pensuisan Paket .....	23
<i>Synchronicity</i> .....	24
Interaktiviti .....	24
WWW sebagai Medium Pendidikan .....	25
Kandungan WWW .....	27
Konteks Dan Penggunaan Media .....	30
Penggunaan dan Pemuasan Kehendak .....	32
Kajian Awal Penggunaan Dan Pemuasan Kehendak .....	33
Penggunaan Dan Pemuasan Kehendak Terhadap Media Internet dan WWW.	40
Kajian-Kajian Tempatan Penggunaan Dan Pemuasan Kehendak Terhadap Media Internet dan WWW.....	44

	Motif Penggunaan Dan Pemuasan Kehendak WWW .....	47
	Sikap Terhadap Media WWW .....	53
	Kemahiran Menggunakan Media WWW .....	56
	Perbezaan Antara Jantina Dalam Penggunaan WWW ....	59
	Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (Uses and Gratifications Theory) .....	60
	Hipotesis Kajian .....	69
	Rumusan .....	70
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b> .....	72
	<b>Fasa Pertama: Soalselidik Bercetak</b> .....	73
	Rekabentuk Kajian .....	73
	Lokasi Kajian Dan Subjek Kajian .....	73
	Populasi dan Persampelan .....	74
	Pembolehubah Kajian .....	75
	Instrumen Kajian .....	76
	Sikap Terhadap WWW .....	76
	Tahap Kemahiran Menggunakan Komputer Dan WWW .....	77
	Sebab-Sebab Menggunakan WWW .....	78
	Sebab-Sebab Tidak Menggunakan WWW .....	78
	Soalan-Soalan Lain .....	79
	Pembolehubah Demografik .....	74
	Pengukuran Pembolehubah Kajian .....	80
	Pembolehubah Sikap .....	80
	Pembolehubah Tahap Kemahiran .....	80
	Pembolehubah Demografik .....	81
	Pembolehubah Motif Penggunaan WWW .....	82
	Pembolehubah-Pembolehubah Lain .....	83
	Pra Uji Instrumen .....	83
	Pengumpulan Data Kajian .....	84
	Penganalisan Data Kajian .....	85
	<b>Fasa Kedua: Soalselidik Berkomputer</b> .....	87
	Rekabentuk Kajian .....	87
	Instrumen Kajian .....	88
	Pra Uji Instrumen .....	90
	Pengukuran Pembolehubah Kajian .....	91
	Penganalisan Data Kajian .....	92
	<b>Fasa Ketiga: Analisis Kandungan</b> .....	92
	Rekabentuk Analisis Kandungan .....	92
	Bahan Kajian .....	93
	Kategori Isi Kandungan .....	92
	Unit Analisis .....	95
	Persampelan .....	95
	Rangka Dan Borang Koding .....	95

	Pengujian Kesahihan Antara Jurukod .....	96
	Proses Koding .....	98
	Pengukuran Pembolehubah Kajian .....	98
	Penganalisaan Data Kajian .....	99
	Rumusan .....	99
<b>IV</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>102</b>
	<b>Fasa Pertama: Soalselidik Bercetak .....</b>	<b>102</b>
	Ciri Demografik Responden .....	103
	Sikap Terhadap WWW .....	105
	Penilaian Responden Terhadap WWW .....	106
	Tahap Kemahiran Menggunakan WWW .....	107
	Motif Penggunaan WWW .....	110
	Motif Penggunaan WWW Untuk Penyelidikan Dan Pembelajaran .....	110
	Motif Penggunaan WWW Untuk Mengakses Hiburan Dengan Mudah .....	112
	Motif Penggunaan WWW Untuk Komunikasi Dan Interaksi Sosial .....	113
	Motif Penggunaan WWW Untuk Mengisi Masa Ketika Bosan .....	114
	Motif Penggunaan WWW Untuk Mengakses Bahan Yang Sukar Diperolehi .....	115
	Motif Penggunaan WWW Untuk Mendapatkan Bantuan Teknikal Dan Maklumat Produk .....	116
	Motif Penggunaan WWW Untuk Mengakses Laman Permainan Dan Laman Seks .....	117
	Motif Penggunaan WWW Untuk Transaksi Pegguna Dan Membeli Belah .....	118
	Sebab-Sebab Tidak Menggunakan WWW .....	120
	Pengujian Hipotesis –Hipotesis Kajian .....	121
	Hipotesis 1: Terdapat perkaitan positif yang signifikan di antara sikap terhadap WWW dengan motif penggunaan WWW.....	122
	Hipotesis 2: Terdapat perkaitan positif yang signifikan di antara tahap kemahiran dalam menggunakan WWW dengan motif penggunaan WWW.....	123
	Hipotesis 3: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan motif penggunaan WWW untuk penyelidikan dan pembelajaran.....	124
	<b>Fasa Kedua: Soalselidik Berkomputer .....</b>	<b>127</b>
	<b>Fasa Ketiga: Aualisis Kandungan .....</b>	<b>130</b>
	Rumusan .....	137



V	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN ...</b>	140
	Ringkasan Kajian .....	140
	Kesimpulan .....	146
	Cadangan Berasaskan Hasil Kajian .....	148
	Cadangan Kajian Lanjutan	149
	<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	151
	<b>LAMPIRAN .....</b>	
	Lampiran A: Soalselidik Bercetak .....	164
	Lampiran B: Soalselidik Berkomputer .....	168
	Lampiran C: Borang Koding .....	170
	<b>BIODATA PENULIS</b>	181

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Motif penggunaan dan Pemuasan Kehendak dari Kajian-Kajian Lepas	47
2	Kategori Penggunaan Mengikut Item Instrumen Soalselidik Bercetak .....	82
3	Ujian Kebolehpercayaan .....	84
4	Laman Web Kegemaran dan Laman Web Paling Berguna .....	103
5	Ciri-Ciri Responden Fasa Pertama .....	104
6	Min Item Sikap Terhadap WWW .....	105
7	Penilaian Responden Terhadap WWW .....	106
8	Perbandingan WWW Dengan Media Tradisional .....	107
9	Ciri Penggunaan Komputer Dan WWW .....	108
10	Min Item Tahap Kemahiran Responden Dalam Menggunakan WWW .....	109
11	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Penyelidikan Dan Pembelajaran .....	111
12	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Mengakses Hiburan Dengan Mudah .....	112
13	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Komunikasi Dan Interaksi Sosial .....	113
14	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Mengisi Masa Ketika Bosan .....	114
15	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Mengakses Bahan Yang Sukar Diperolehi	115

16	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Mendapatkan Bantuan Teknikal Dan Maklumat Produk .....	116
17	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Mengakses Laman Permainan Dan Laman Seks .....	117
18	Min Skor Mengikut Item Bagi Motif Penggunaan WWW Untuk Transaksi Pengguna Dan Membeli Belah .....	118
19	Perbandingan Motif Penggunaan WWW Mengikut Keutamaan .....	119
20	Min Skor Mengikut Kenyataan Sebab-Sebab Responden Tidak Menggunakan WWW .....	120
21	Perkaitan Di Antara Sikap Terhadap WWW Dan Tahap Kemahiran Menggunakan WWW Dengan Motif Penggunaan WWW .....	122
22	Ujian-T Bagi Jantina Dengan Kategori Penggunaan WWW .....	125
23	Frekuensi Daripada Instrumen Soalselidik Berkomputer .....	129
24	Jumlah Alamat Laman Web (URL) Yang Dilawati Oleh Pelajar Berdasarkan Jenis Domain .....	132
25	Kategori penggunaan Mengikut Jenis Domain .....	133
26	Perbandingan Kategori Penggunaan WWW Di Antara Fasa Kedua dan Fasa Ketiga .....	134
27	Min Kesesuaian Untuk Penyelidikan Akademik Mengikut Nama Domain .....	136

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Model Uses And Gratifications .....	63
2	Rangka Konsep Kajian .....	67
3	Rangka Persampelan .....	74

## SENARAI FORMULA

Formula	Muka Surat
1 Kebolehpercayaan Antara Jurukod .....	97



## BAB 1

### PENGENALAN

#### Latar Belakang Kajian

Kemunculan media baru dalam masyarakat seringkali disusuli dengan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan untuk mengetahui mengenai penggunaan dan kesan media tersebut terhadap masyarakat. Dalam kebanyakan penyelidikan berkaitan fenomena berkenaan, golongan kanak-kanak dan remaja adalah golongan yang seringkali dijadikan sebagai subjek kajian (Wartella dan Reeves, 1985). Menurut Dorr (1986) dan Wartella (1995), golongan ini merupakan khalayak yang paling mudah menerima pengaruh dan kesan akibat daripada sesuatu media berbanding dengan golongan masyarakat yang lain.

Pengenalan media televisyen secara komersil misalnya, telah membuka jalan kepada pelbagai penyelidikan terhadap media tersebut. Malahan hasil penyelidikan yang telah dilakukan itu menjadi topik perbincangan yang hangat diperkatakan dalam masyarakat (Schramm, Lyle dan Parker, 1961). Kesan media televisyen terhadap perkembangan mental kanak-kanak dan remaja telah menjadi tema utama dalam banyak kajian-kajian sains sosial (Van Evra, 1990; Winn, 1977), khususnya mengenai isu

keganasan yang dipaparkan melalui media tersebut (McLeod dan Reeves, 1980; Wartella dan Reeves, 1985).

Rosengren dan Windahl (1989) dalam kajian mereka mengenai hubungan di antara media dan kanak-kanak mendapati bahawa kemunculan media baru selalunya menimbulkan kesan '*moral panic*' kepada anggota masyarakat. Kebanyakan anggota masyarakat berasa bimbang bahawa media baru tersebut akan menjadikan kanak-kanak pasif dan ketagih untuk menggunakan media berkenaan setiap hari sehingga akhirnya akan menyebabkan mereka mengurangkan atau meninggalkan aktiviti-aktiviti yang lain.

Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji media pendidikan yang lain masih percaya bahawa walaupun kita sering bimbang dan menekankan nilai negatif yang terdapat pada sesuatu media, kita tidak harus melupakan pelbagai nilai positif yang terdapat pada media tersebut. Nilai positif ini boleh digunakan sebagai medium pembelajaran di sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi (Kozma, 1994; Salomon, 1978).

Sejarah penggunaan teknologi khususnya penggunaan media massa dalam dunia pendidikan telah bermula sejak lama dahulu (Cuban, 1986). Penggunaan buku, gambar, radio dan televisyen adalah merupakan antara alat teknologi yang telah berjaya meningkatkan kualiti pendidikan kepada

pelajar-pelajar di seluruh dunia. Penggunaan Internet khususnya World Wide Web (WWW) hanyalah merupakan suatu perkembangan terkini dalam sejarah penggunaan teknologi dalam persekitaran pendidikan. Walau bagaimanapun, impak penggunaan media ini sangat besar seiring dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam semua sektor sejak akhir-akhir ini.

Di Malaysia, pelanggan Internet dari pelbagai sektor kini berjumlah 8,187,000 juta pengguna (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2003). Sejarah penggunaan Internet di Malaysia bermula dalam tahun 1983 dengan terciptanya Rangkaian Komputer Malaysia (RangKom). Tidak seperti kemunculan awal Internet di Barat untuk tujuan penyelidikan ketenteraan, RangKom menyambungkan empat buah universiti utama di Malaysia pada masa itu iaitu Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran (Wong, 1998). Sungguhpun demikian, penggunaan Internet masih terhad penggunaannya pada masa itu kepada beberapa aplikasi seperti e-mel melalui TELITA dan perkhidmatan teks dan video oleh Telekom Malaysia Berhad (Rahmah, 1995).

Kini Internet telah digunakan secara meluas di seluruh institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh Malaysia. Di Universiti Utara Malaysia (UUM) khususnya, penggunaan Internet bermula pada tahun 1990



dengan terbinanya sistem rangkaian fiber optik yang dipasang sebagai rangkaian asas semasa pembinaan kampus tetapnya di Sintok. UUM kini mempunyai 2,000 pusat rangkaian yang telah ditingkatkan dari 128 kilobit kepada 2 megabit untuk membolehkan capaian aplikasi web dan multimedia (Noor Afzan Mohamad Yusof, 6 Jun 2002). UUM kini mempunyai 63 buah makmal komputer yang boleh digunakan oleh pelajar di kawasan akademik dan mempunyai 14 buah makmal komputer di kawasan kolej kediaman. Dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8), UUM telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM7.8 juta untuk pembangunan infrastuktur rangkaian komputer dikawasan kolej kediaman. Kesemua prasarana yang dibangunkan itu bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar melalui kemudahan mengakses bahan-bahan rujukan dari laman web.

### **Penyataan Masalah**

Walaupun Internet, khususnya WWW telah lama digunakan di institusi-institusi pengajian tinggi, namun penggunaannya di kalangan pelajar-pelajar universiti masih dianggap baru terutamanya untuk tujuan pembelajaran. Penyediaan media ini untuk kegunaan pelajar menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan juga tidak dapat menahan gelombang ICT yang kini melanda pelbagai sektor di seluruh dunia dengan lautan maklumat tanpa sempadan dan tapisan.